

MEMBUMIKAN SYARIAH

**MENJELAJAHI DIMENSI
SYARIAH SECARA 360 DARJAH**



MOHD DAUD BAKAR




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

to
fo

MEMBUMIKAN SYARIAH

Y.A.B. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD





﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ
إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ
كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا لُحْمًا أُنْفٍ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا
قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

Ertinya: "Dan Tuhanmu telah memerintah supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang antara kedua-duanya atau kedua-duanya sampai umur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka jangan kamu mengatakan kepada kedua-duanya perkataan 'ah' dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia."


(Surah al-Isra' 17: 23)



MOHD DAUD BAKAR

MEMBUMIKAN SYARIAH

**MENJELAJAHI DIMENSI
SYARIAH SECARA 360 DARJAH**



PUSTAKA PERDANA



1013540

Sebuah Terbitan:



TELAGA BIRU SDN. BHD.

(Co. No. 429118-A)

28, Jalan Tembaga SD 5/2A,
Sri Damansara Industrial Park,
52200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6275 4070/ 03-6276 8057

Faks: 03-6275 4110/ 03-6275 4727

Laman Web: www.telagabiru.com.my

Pengerusi Kumpulan

Haji Waharp Yusoff

Pengarah Urusan

Datuk Dr. Haji Zahazan Mohamed

Penasihat Jabatan Penerbitan

Dato' Haji Muhammad Zakaria

Pengurus Penerbitan

Nadirah Waharp

Konsultan Syariah

Ustaz Fauwaz Fadzil Noor

Pengarang

Dr. Mohd Daud Bakar

Editor Bahasa

Norashimah Tajoruddin

Editor Syariah

Farid Onn

Prof Bahasa

F. Eika Halim

Prof Syariah

Mohammad Nassrul
Muhammad Nizar

Editor Seni

Roy

Reka Letak dan Bentuk Kulit

Najwa Zainal

Jurufoto

Rahmat Hidayat Abdul Rahman
Mohd Syahideen Osman

Pemasaran

Mohamad Ya'acob &
Telaga Biru Sales Team,

Promosi

Sani Jiran & PR Team.

MEMBUMIKAN SYARIAH

©Telaga Biru Sdn. Bhd.

Cetakan Pertama April 2018

ISBN 978-967-388-382-0 TBBK 1451

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi, dan foto dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik, atau cara-cara lain tanpa mendapat izin bertulis dari TELAGA BIRU SDN. BHD. terlebih dahulu.

Pustaka Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Daud Bakar, Datuk, Dr.

Membumikan Syariah / MOHD DAUD
BAKAR.

ISBN 978-967-388-382-0

1. Islamic law. I. Judul.

340.59

Manhaj kami berdiri atas akidah ahli sunah khususnya akidah Asy'ariyyah yang merupakan akidah utama umat Islam. Manakala dari sudut pengamalan mazhab, ulama bersepakat atas kesahihan bertaklid kepada mazhab empat, khususnya mazhab Imam Syafi'i, tanpa menolak bertaklid kepada mazhab lain ketika berhajat seperti yang dinaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami dan al-Bajuri.

Dicetak oleh:

Tihani Cetak Sdn. Bhd. (360461-V)
No 1 Jalan SB Jaya 15,
Taman Industri SB Jaya,
47000 Sungai Buloh, Selangor.

Sekiranya anda berminat mengiriskan manuskrip untuk diterbitkan, boleh layari ke www.telagabiru.com.my/penulisan.

340.59



Isi Kandungan

Kata Penerbit	VII
Kata Pengarang	XI

BAB 1

Asal Kejadian dan DNA Syariah	1
--------------------------------------	----------

BAB 2

Kenapa Manusia Memerlukan Syariah?	39
---	-----------

BAB 3

Bagaimana Syariah Menanggapi Kehidupan?	89
--	-----------

BAB 4

Orientasi Perbincangan dan Amalan Syariah dalam Masyarakat	125
---	------------

BAB 5

Bagaimana Menghidupkan Syariah pada Kurun Ke-21?	175
---	------------



BAB 6

Wawasan Utama Syariah dalam Kehidupan	215
--	------------

BAB 7

Kesimpulan dan Pandangan ke depan	241
Glosari	265
Bibliografi	269



Kata Penerbit

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian kesempurnaan hanya milik Allah yang telah menurunkan sebaik-baik syariah yang berkekalan sehingga hari kiamat. Selawat, salam dan ucapan penghormatan buat junjungan kekasih kita Nabi Muhammad ﷺ, pembawa syariat yang murni sebagai panduan yang jelas buat seluruh manusia, juga buat para ahli keluarganya, sahabat dan penyebar risalahnya serta para pengikutnya hingga ke hari perhitungan.

Kami menzahirkan rasa syukur kepada Allah yang dengan izin-Nya buku *Membumikan Syariah* ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Penghargaan yang tidak terhingga kepada penulis, Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar yang sudi berkongsi karyanya untuk dimanfaatkan bersama dengan pembaca serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam meneruskan perjuangan membumikan dan merakytakan syariah dalam kehidupan.

Perkataan “syariah” mungkin selalu kita dengar dan sebut, tetapi kemungkinan sebahagian daripada kita hanya

memahaminya atau menanggapi berdasarkan sudut-sudut tertentu sahaja. Oleh itu, penulis membawakan pendekatan kefahaman syariah dan praktikalnya yang lebih menyeluruh dalam semua realiti dan keperluan hidup. Hakikatnya, panduan syariah yang diturunkan kepada junjungan agung kita ialah pedoman yang menyelamatkan dan membimbing kita dalam segenap isu dan keadaan.

Syariah bukan hanya soal hukum halal dan haram, dosa dan pahala atau itu boleh dan ini tidak boleh. Akan tetapi, syariah ialah solusi praktikal yang mesti diambil faedah dan manfaatnya secara berterusan. Ia melangkaui bidang kewangan, perubatan, pengurusan aset, kemasyarakatan, politik, rakyat, undang-undang, kebajikan dan sebagainya. Kita mesti melihat syariah bergerak dan memainkan peranan penting yang berkesan ke arah hasil yang positif dan berimpak tinggi untuk semua pihak.


Antara manfaat yang akan diperolehi oleh pembaca untuk menjalani hidup yang bersyariat adalah:

- Membuka minda pembaca tentang definisi syariah yang tepat dan menyeluruh untuk diaplikasikan dalam segenap kehidupan mereka.
- Boleh diletakkan di institusi-institusi pendidikan dan perbankan kerana buku ini merangkumi semua aspek kehidupan khasnya sektor kewangan dan pendidikan.
- Memberi penjelasan yang lebih tepat dan padat tentang syariah dengan bahasa yang lebih mudah difahami oleh setiap lapisan masyarakat.
- Pengisian dan contoh isu yang diketengahkan oleh penulis bersifat “dekat” dengan gaya hidup dan situasi semua lapisan masyarakat. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman pembaca tentang aspek syariah yang sebelum ini dianggap berat dan sukar untuk difahami.

- Menarik minat lebih ramai pembaca untuk mengambil tahu tentang aspek syariah dan hubungannya dengan masyarakat.

Menerusi kitab ini, kami percaya ia akan menjadi panduan baharu yang akan memacu pembaca untuk memahami agama dan syariah dengan lebih baik dan membuka minda yang luas untuk memberikan penyelesaian masalah dalam masyarakat. Semoga Allah menerima amal dan usaha kita dalam kehidupan ini dan menjadikan karya ini sebagai jariah yang berkekalan kepada umat. Selamat membaca dan beramal.

Telaga Biru Sdn. Bhd



﴿ تَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا
عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ﴾

Ertinya: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa serta janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."

(Surah al-Ma'idah 5: 2)





Kata Pengarang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Buku ini ialah cerita yang ringkas, tetapi padat dan sarat dengan mesej yang ingin saya sampaikan. Ya, betul. Memang ramai yang bercakap dan menulis tentang syariah. Pelbagai versi syariah dikemukakan. Ada yang memberi penekanan pada persoalan hukum-hakam dan ada juga yang menjunjung *maqasid* syariah sebagai destinasi terakhir dan tertinggi syariah.

Bagi mereka yang melihat syariah dari perspektif hukum-hakam, ada yang mengikat syariah dengan semua skema hukum Islam, meliputi segala lapangan hidup seperti kesalahan jenayah dan *muamalah* serta pentadbiran negara. Namun, ada juga yang hanya menonjolkan satu bidang syariah sahaja mengikut selera dan keutamaan mereka, seperti kewangan Islam dan undang-undang jenayah Islam.

Jelas sekali, mereka ingin menjadi jaguh dan pembela syariah dalam satu bidang sahaja. Mereka seolah-olah tidak mementingkan aspek syariah yang lain ataupun mereka

**Syariah
sebenarnya
menyentuh segala
perkara yang ada
kaitan dengan
kehidupan.**

memang tidak memahami syariah, melainkan satu aspek atau beberapa aspek sahaja.

Apakah yang baharu dalam buku ini? Sudah pasti saya ingin membawa satu gagasan baharu tentang syariah walaupun sudah banyak karya tentangnya yang dihasilkan, sama ada melalui media cetak ataupun media eletronik.

Saya membaca hampir kesemua karya itu, yang cuba memberikan manifestasi menyeluruh dan tepat tentang syariah. Saya dapat rasakan kesemua karya itu tidak salah dan memberikan maklumat serta pengetahuan yang berguna. Itu memang saya yakin.

Namun, saya juga dapat rasakan yang karya-karya itu tidak memberikan satu mesej yang jelas mengenai apakah itu syariah yang diwahyukan Allah ﷻ? Kefahaman mengenai mesej sebenar syariah hilang dan mungkin tersembunyi serta tersirat dalam perbincangan teknikal yang sarat tentang sejarah, isi kandungan, klasifikasi dan fungsi syariah.

Saya ingin melahirkan gagasan bahawa syariah ialah kehidupan. Ya, syariah ialah kehidupan. Pendek kata, setiap aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia pasti ada hubung kait dan korelasi dengan syariah. Ia bukan lagi berkaitan dengan hukum halal dan haram semata-mata.

Malah, persoalan halal haram hanyalah permulaan bagi skema syariah. Lebih daripada itu, syariah sebenarnya menyentuh segala perkara yang ada kaitan dengan kehidupan seperti hukum, dasar dan tindakan bagi memberi rahmat atau kebaikan kepada manusia melalui petunjuk al-Quran dan sunah. Ini begitu jelas kerana sumber utama syariah, iaitu al-Quran dan sunah tidak diturunkan dan diwahyukan hanya bagi menerangkan hal hukum-hakam semata-mata. Pastinya syariah bukan berkisar tentang itu sahaja.

Malah, dalam kes aktiviti dan perbuatan haram yang paling berat hukumannya, iaitu riba (mengambil dan membayar riba) atau rasuah, Allah melaknat pemberi dan penerima rasuah, al-Quran atau syariah tidak langsung menyediakan sebarang hukuman. Apakah rahsia atau mesej syariah di sebalik fenomena ini?

Anda mungkin tidak nampak di mana logiknya untuk menyamakan syariah dengan kehidupan atau kehidupan dengan syariah. Anda tidak perlu bimbang kerana anda tidak keseorangan.

Ramai yang tidak perasan bahawa sesungguhnya, syariah ialah kehidupan. Apabila masyarakat berbincang soal kepentingan pendidikan, khususnya pendidikan tinggi ataupun dasar memastikan setiap rakyat terlibat dalam aktiviti perbankan dan kewangan negara (*financial inclusion*) atau penyediaan air minuman yang bersih lagi mampu dimiliki, ramai orang tidak dapat melihat bagaimana syariah mampu menjadi relevan bagi isu sebegini. Dasar berkaitan pendidikan tinggi ataupun dasar keterlibatan semua orang dalam aktiviti kewangan melalui institusi perbankan atau prasarana pembekalan dan penyediaan air minum yang bersih dan mampu dibayar semua (lebih bagus lagi jika ia percuma) sangat dekat dengan syariah.

Anda mungkin kebingungan apabila ada orang membawa gagasan dan usul yang syariah juga perlu mencerakinkan isu dan dasar pengurusan sampah sarap, sama ada sisa pepejal ataupun organik.

Kebingungan anda pastinya bertambah sekiranya saya mengatakan syariah sepatutnya berada dalam setiap petak dan langkah kehidupan anda dalam semua ekosistem kehidupan seperti pengangkutan, pekerjaan, hubungan kemasyarakatan malahan alam sekitar dan cara anda mengurus perbelanjaan

serta aktiviti kewangan anda. Ekosistem ini juga merangkumi pelbagai industri seperti industri makanan dan minuman, pekerjaan dan percukaian, pendidikan, perubatan, perumahan, pengangkutan, keselamatan, kosmetik dan kecantikan, fesyen dan keanggunan, kelestarian dan kesejahteraan kualiti kehidupan, pelancongan dan banyak lagi tema serta dimensi yang berkait rapat dengan manusia.

Inilah selok-belok kehidupan seorang manusia, melainkan anda bukan manusia. Maka, anda tidak perlu menghiraukan tema dan dimensi yang disebut di atas. Menariknya, semua tema ini ada dalam al-Quran. Kenapa al-Quran menyebut tema-tema ini kalau ia tidak penting dan relevan buat manusia?

Al-Quran diturunkan kepada manusia dan bukannya kepada malaikat ataupun robot. Pasti ada mesej agung yang Allah ﷻ ingin bangunkan dan terapkan dalam kehidupan manusia. Mesej ini membentuk inti pati syariah dan ia berkaitan dengan kapsul kehidupan. Buku ini akan cuba membuka kapsul kehidupan ini yang disuluh dan dipantul suluhan teks-teks syariah dalam al-Quran dan sunah.

Selama ini, terdapat ungkapan yang terkenal bahawa syariah adalah sebahagian daripada kehidupan. Ungkapan ini memberi Impak yang besar kepada jutaan Muslimin di seluruh dunia.

Akan tetapi, saya mengambil pendirian yang agak berbeza. Buku saya ini ingin menekankan yang syariah bukan lagi sebahagian daripada kehidupan. Sebaliknya, ia **menyentuh saraf tunjang kehidupan dalam pelbagai aspek**, walaupun dalam kes tertentu syariah hanya mengambil sikap “neutral”.

Malah, ada sesetengah kes syariah tidak memberi sebarang penghukuman nilai atau hukum bagi sesuatu perkara dan tema. Keputusan itu sebenarnya telah melalui satu proses algoritma syariah untuk sampai kepada satu keputusan

tertentu. Mengambil pendirian “neutral” dalam kes-kes tertentu seperti pembangunan pengangkutan awam yang berkesan ataupun skim persaraan yang mampan bagi para pesara juga ialah satu keputusan yang mesti diasaskan pada pertimbangan tertentu. Tidak mungkin pendirian sebegini boleh dibuat secara rawak dan tanpa metodologi tertentu.

Walaupun begitu, perlu disebut bahawa dalam banyak kes yang dianggap “neutral”, kalau kita perhatikan uratnya betul-betul, di sebaliknya terbias lintasan dan pantulan syariah. Sungguh, ini amat mengujakan!

Apa yang akan anda peroleh dengan membaca buku saya ini? Saya harap anda akan ketahui banyak aspek syariah dalam kehidupan, sama ada aspek yang anda langsung tidak tahu-menahu ataupun yang anda terlepas pandang.

Saya akan membawa anda menjelajahi templat syariah secara 360 darjah dengan menggunakan kes dan tema dalam kehidupan seharian kita, tetapi dipandu graviti wahyu ataupun nur wahyu Allah ﷻ.

Apabila anda dapat menyaksikan semua itu dengan pancaindera anda sendiri dan dapat merasai keindahannya di alam nyata, anda akan menjadi lebih setia dan gigih serta berwawasan tentang syariah.

Apabila anda sudah sampai ke peringkat ini, anda akan dapat menanggapi syariah dengan “gambaran meluas” (*big picture*) dan bukan lagi hanya terhad pada isu-isu sampingan. Malah, apabila anda membaca ayat-ayat suci al-Quran dan juga sunah (bagi mereka yang memahami bahasa Arab dengan baik), pemahaman anda mengenai syariah akan tampil lebih dinamik, praktikal dan manusiawi. Dalam bab-bab



seterusnya, saya akan jelaskan maksud setiap ungkapan tadi, iaitu dinamik, praktikal dan manusiawi.

Kefahaman mengenai sesuatu perkara dalam konteksnya yang betul dan tepat ialah sumber inspirasi dan motivasi. Anda pasti dapat menghayati perasaan ini. Hakikatnya, apabila anda mengetahui sesuatu dengan tepat dan dalam konteks yang betul (sarang atau letak duduknya), anda akan menjadi penyokong tegar kerana anda kini yakin dengan gagasan sesuatu perkara.

Namun, ramai orang Islam menjadi kaku dan lesu ataupun berputar dalam lingkungan perbincangan yang kecil dan remeh kerana mereka tidak memahami agama agung ini dengan sebetulnya dan dalam konteksnya yang sebenar. Kita perlu memahami kedua-dua teks dan konteks wahyu.

Mungkin ramai yang akan dapat melihat deretan pokok di hutan, tetapi tidak mampu melihat keseluruhan hutan yang terbentang menghijau, sekalipun ia berada di depan mata.

Allah ﷻ menyifatkan orang Islam sebagai golongan dengan jiwa dan minda yang hidup. Dalam al-Quran, Allah ﷻ berfirman,

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ وَعَلِمُوا أَنَّ
اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرَّةِ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَىٰ
تُحْشَرُونَ ﴾

Ertinya: "Wahai orang yang beriman, sambutlah seruan Allah dan Rasul apabila mereka menyeru kamu kepada apa yang (boleh) menghidupkan kamu. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah dan menyekat antara seseorang itu dengan pekerjaan hatinya dan sesungguhnya kepadanya kamu pasti akan dikembalikan."

(Surah al-Anfal 8: 24)

Bagi mendapatkan jiwa dan hati yang hidup, anda tiada pilihan melainkan memahami syariah dalam bentuk yang diingini oleh Allah ﷻ. Eh, tunggu dulu. Bagaimana caranya bagi kita mengetahui kehendak Allah ﷻ yang sebenar? Telitilah dan halusi pandangan kita pada "kalam Allah" dan "khitab" Ilahi dalam al-Quran dan "maksud Allah" dalam sunah. Buku ini akan banyak membuat rujukan silang terhadap al-Quran dan sunah dalam kes-kes kehidupan yang relevan.

Saya berharap dan berdoa semoga anda dapat melalui liku-liku ekspedisi ilmiah buku ini dengan perasaan gembira, teruja dan terdorong bagi melihat syariah dalam bentuknya yang lebih segar, tulen serta praktikal. Sudah banyak liang pernafasan syariah yang tersumbat sejak sekian lama. Cukup-cukuplah. Buku ini akan cuba membuka kebanyakan, jika tidak semua sumbatan ini bagi melihat syariah kembali bernafas bugar dalam kurun ke-21 (15 Hijrah) ini. Mari kita mulakan!

DR. MOHD. DAUD BAKAR



BAB 1

Asal Kejadian dan DNA Syariah

Syariah ialah pemberian dan anugerah Allah ﷻ kepada Nabi Muhammad ﷺ dan umat manusia secara keseluruhannya. Dalam konteks yang lebih luas, setiap nabi dan rasul juga mempunyai syariah masing-masing, sepertimana firman Allah ﷻ,

﴿ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شَرْعَةً وَمَنْهَاجًا ﴾

Ertinya: "Kami jadikan untuk setiap nabi itu syir'ah dan panduan (hidup)."

(Surah al-Ma'idah 5: 48)

Dalam satu ayat yang lain, Allah ﷻ juga berfirman,

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا
وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ
وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ﴾

Ertinya: "Dialah (iaitu Allah ﷻ) yang telah memberikan syariah kepada kamu tentang urusan agama apa yang telah diwasiatkan kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu serta apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya."

(Surah al-Syura 42: 13)

Dalam buku ini, syariah merujuk kepada syariah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad ﷺ melalui al-Quran dan sunah. Dalam firman-Nya, Allah ﷻ secara terang-terangan menjelaskan bahawa Dialah yang telah memberikan syariah ini kepada Nabi Muhammad ﷺ,

﴿ ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيحَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Ertinya: "Kemudian, Kami meletakkan kamu (iaitu Nabi Muhammad ﷺ) atas syariah yang datang daripada Kami dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."

(Surah al-Jatsiyah 45: 18)

Semua ayat ini secara kolektif menyatakan dan menegaskan dengan bahasa yang terang bahawa syariah ialah pemberian langsung daripada Allah ﷻ. Semuanya dinisbahkan kepada Allah ﷻ. Ini mesej penting yang ingin ditegaskan oleh al-Quran melalui tiga ayat ini.

Dalam ayat yang lain pula, Allah ﷻ menempelak golongan yang kufur dalam firman-Nya,

﴿ أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُم مِّنَ الدِّينِ
مَا لَمْ يَأْذَنَ بِهِ اللَّهُ ﴾

Ertinya: "Adakah bagi kamu rakan-rakan kongsi yang memberikan syariah kepada kamu daripada urusan agama yang tidak diizinkan oleh Allah?"

(Surah al-Syura 42: 21)

Sekali lagi, al-Quran menegaskan sumber syariah yang sebenar, sah dan diizinkan Allah ﷻ hanyalah daripada Allah ﷻ. Akan tetapi, ada kemungkinan manusia mencipta sendiri "syariah mereka", iaitu cara dan panduan hidup mereka yang tidak bertepatan dengan syariah dari langit. Kemungkinan ini disebutkan dalam ayat di sebelah.

Antara dua sumber syariah ini, al-Quran lebih unik kerana ia wahyu dalam bentuk kedua-dua perkataan dan maknanya.

Sebagai agama yang datang dari langit, asal usul syariah juga berbentuk wahyu. Wahyu yang dimaksudkan di sini adalah melalui perantaraan al-Quran dengan sunah. Antara dua sumber syariah ini, al-Quran lebih unik kerana ia wahyu dalam bentuk kedua-dua perkataan dan maknanya.

Adapun bagi sunah pula, maknanya diilhamkan melalui wahyu tetapi perkataan dan ungkapan adalah daripada Nabi Muhammad ﷺ. Itulah perbezaan antara kedua-duanya. Jelas, bukan?

Walaupun begitu, hakikatnya dari segi fakta ilmiah, kedua-dua sumber ini tidak boleh dibeza-bezakan kerana sumber kedua-duanya tetap daripada Allah ﷻ. Kedua-dua sumber ini ialah "komunikasi langsung" Allah ﷻ kepada seluruh alam.

ISTILAH-ISTILAH TEKNIKAL BERKAITAN SYARIAH

Di samping perkataan syariah dan *syir'ah*, al-Quran juga menggunakan perkataan *al-Din*, iaitu agama dan juga *al-Islam* untuk menjelaskan satu set panduan yang diwahyukan oleh Allah ﷻ. Ini ialah tiga atau empat istilah besar dalam al-Quran. Apakah hubung kait antara ketiga-tiga istilah ini?

Secara umumnya, kesemua istilah dan perkataan ini merujuk kepada sesuatu yang datang daripada Allah ﷻ. Dalam ayat-ayat al-Quran berhubung syariah dan syir'ah, seperti yang dinukilkan sebelum ini, jelas lagi bersuluh bahawa syariah disediakan oleh Allah ﷻ dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad ﷺ.

Apakah pula makna dan maksud *al-Din*? Ia selalu diterjemahkan sebagai agama dan dalam beberapa ayat al-Quran, makna sebagai agama ini dinisbahkan kepada *al-Islam* untuk membawa maksud agama Islam. Dalam surah Ali 'Imran, Allah ﷻ berfirman,

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ
وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ

Ertinya: "Sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang yang rugi."

(Surah Ali 'Imran 3: 85)

Ayat ini dan beberapa ayat al-Quran yang lain dengan terang mengungkapkan bahawa agama yang diturunkan oleh Allah ﷻ ialah Islam. Dalam erti kata yang lain, *al-Din* yang disebut dalam al-Quran bermakna Islam dan sebaliknya.

***Al-Din* yang disebut dalam al-Quran bermakna Islam dan sebaliknya.**

Apa kaitan Islam atau agama Islam dengan syariah pula? Sebenarnya, tidak ada perbezaan yang ketara antara syariah dengan agama Islam. Kedua-duanya merujuk kepada satu sistem kepercayaan, akhlak dan hukum yang disediakan oleh Allah ﷻ kepada manusia untuk berjaya di dunia dan di akhirat.

Malah, terdapat ayat al-Quran yang menyebut dengan jelas bahawa agama Islam telah disyariatkan oleh Allah ﷻ, iaitu dijadikan satu jalan kehidupan dengan menggunakan kata dasar *sya-ra-'a* yang merupakan kata dasar kepada syariah. Allah ﷻ berfirman,

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي
أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى
وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ﴾

Ertinya: "Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, serta apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa, iaitu tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya."

(Surah al-Syura 42: 13)

Sebagai kesimpulan, syariah, *al-Din* dan Islam ialah perkataan atau istilah al-Quran yang membawa makna serta maksud yang sama. Ini ialah nama-nama kepada suatu peraturan kehidupan yang diredai oleh Allah ﷻ dan diutuskan kepada para nabi.

Namun, perkataan syariah agak istimewa kerana ia merupakan satu perkataan dalam bahasa Arab yang sudah digunakan dan difahami oleh masyarakat Arab sebelum datangnya Islam.

Walaupun ia datang dalam bahasa Arab (kerana al-Quran diwahyukan dalam bahasa Arab), namun makna asalnya yang difahami dalam sejarah risalah Islam sejak Nabi Adam sebagai panduan dari langit adalah sama sahaja sepanjang sejarah kenabian dan risalah Islam.

Syariah ialah perkataan Arab dan al-Quran juga diturunkan dalam bahasa Arab. Jadi, apakah maksud syariah dalam bahasa Arab? Persoalan ini agak menarik kerana “syariah” ialah perkataan yang sudah dipakai dan difahami oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dan sebelum Nabi Muhammad ﷺ diutuskan.

Dalam komuniti masyarakat Arab, perkataan syariah membawa maksud “jalan ke tempat air”¹. Setiap jalan yang membawa seseorang (atau haiwan) ke tempat adanya air atau sumber air di padang pasir dipanggil syariah. Ini belum lagi mencakupi maksud cara serta panduan hidup daripada Allah ﷻ. Ia hanya bererti **jalan yang membolehkan seseorang sampai ke tempat air dalam landskap padang pasir.**

Dalam keadaan geologi dan landskap masyarakat Arab di Makkah khususnya dan Semenanjung Arab umumnya, sudah pasti perkataan syariah ini amat popular kerana air ialah sumber kehidupan manusia, dan juga bagi binatang tunggangan serta ternakan mereka. Air ialah sumber kehidupan bagi mereka dan mereka dapat memahami makna harfiah syariah dengan mudah.

Air ialah sumber kehidupan bagi mereka dan mereka dapat memahami makna harfiah syariah dengan mudah.

Begitulah juga syariah dalam konteks kehidupan beragama. Allah ﷻ menggunakan perkataan ini untuk memberi maksud baharu bagi perkataan ini sebagai **menu kehidupan dari langit**. Di sinilah terletak kait antara makna syariah dari segi bahasa atau harfiah dengan makna syariah secara teknikal. Ringkasnya, syariah

¹ Lihat *al-Mu'jam al-Wasith* di bawah kata dasar *sya-ra-'al*/شريعة

ialah sumber dan panduan bagi kehidupan yang sejahtera (sepertimana secara biologinya, air juga ialah sumber kehidupan).

Namun, yang lebih menarik lagi ialah Allah ﷻ tidak mencipta perkataan baharu bagi merujuk kepada syariah yang diwahyukan. Sebaliknya, Allah ﷻ menggunakan bahasa dan perkataan yang memang digunakan oleh manusia, lantas menjadikan perkataan itu lebih dekat di hati manusia dan lebih senang difahami.

Ini juga menunjukkan bagaimana syariah itu rapat dan dekat dengan manusia kerana ia diturunkan kepada manusia, untuk manusia.

Hakikatnya, manusia perlu mampu memahami dan melaksanakan segala tuntutan syariah. Itulah konsep kemanusiaan dalam syariah. Kalau kita tidak mampu memahami mesej syariah atau ia berada di luar kemampuan kita sebagai manusia, maka sudah tentu matlamat syariah diwahyukan akan terbiar sia-sia.

Mesej kemanusiaan bermula dari segi penggunaan istilah syariah yang sudah biasa dalam kehidupan manusia dan berakhir dengan meletakkan kebahagiaan serta kesejahteraan manusia sebagai agenda teras syariah. Segala “peralatan” dalam “rumah syariah” diadun dan disusun oleh Allah ﷻ bagi menyalurkan segala kebaikan kepada manusia.

Namun, lazimnya sifat kejadian manusia mempunyai kecenderungan baik dan jahat, iaitu *huda* dan *hawa*. Al-Quran menyebut tentang *huda* (dan semua perkataan terbitannya) lebih daripada 300 kali dan *hawa* (serta semua perkataan terbitannya) lebih daripada 30 kali.

Ini menunjukkan kedua-dua sifat ini benar-benar hidup dalam diri dan jiwa manusia. Kalau manusia dibiarkan bebas bagi mencari formula kebahagiaan dan kesejahteraan mereka

sendiri, sudah tentu konflik yang berterusan akan berlaku kerana adanya kepentingan-kepentingan yang berbeza dan berkonflik dalam hierarki kehidupan mereka. Ini sifat naluriah manusia.

Sesungguhnya, manusia memerlukan panduan dan panduan ini mestilah datang dari luar dunia. Panduan ini ialah al-Quran dan sunah. Kedua-dua bahan ini bukan lagi berbentuk manusia dan bukan dari bumi. Kedua-duanya datang dari sumber yang lebih tinggi, iaitu daripada Pencipta manusia dan alam sejagat.

SYARIAH DAN MESEJ KEHIDUPAN

Berasal dari “DNA langit”, syariah ialah landasan yang paling kukuh bagi kehidupan manusia. Senang saja kalau kita ingin melihat di manakah letak duduknya syariah dalam kehidupan manusia? Lihat dan amatilah setiap patah perkataan dalam al-Quran dan sunah serta mesej dan tema-tema utamanya.

Sebenarnya, pembacaan al-Quran dan sunah dengan minda sebegini akan membuka dimensi syariah yang sebenar buat kita. Setiap satu ayat, malah setiap patah perkataan dalam al-Quran mempunyai makna serta mesej yang tersurat dan tersirat. Jelaslah yang sumber syariah dianugerahkan oleh Allah ﷻ.

Tugas kita pula adalah memahami mesej serta isi kandungannya, dan bagaimana itu semua penting dalam kehidupan manusia.

Manusia perlu hidup sebelum mati, betul? Sehubungan itu, syariah adalah penting dan relevan bagi kehidupan dunia dan juga akhirat. Mana mungkin syariah tidak mempunyai agenda kehidupan di dunia, tapi apakah agenda kehidupan itu?



Sebelum itu, apakah pandangan dan perspektif umum anda apabila sudah membaca keseluruhan al-Quran dengan memahami setiap patah perkataannya?

Apa signifikannya Allah ﷻ menyebut tentang matahari, bulan, air, tanah, tanaman, binatang ternakan, masa, nyawa, perkahwinan, talak dan nafkah, keibubapaan dan kejiranan, sifat dan emosi manusia, peperangan dan perdamaian, hak dan kebenaran, sedekah, infak dan zakat, makruf dan mungkar, amanah, janji dan perjanjian, harta dan rasuah, perniagaan dan riba serta pelbagai lagi tema dan mesej?

Ini menjadi lebih menarik kerana banyak tema ini diulang beberapa kali dalam al-Quran. Pasti ada mesej utama yang ingin disampaikan oleh Pemberi Syariah, iaitu Allah ﷻ melalui ungkapan yang diulang-ulang.

Mari kita ambil contoh perkataan *al-Haqq*, iaitu kebenaran. Perkataan ini disebut dalam al-Quran lebih daripada 200 kali. Kebenaran ialah satu makna abstrak yang boleh merangkumi segala sesuatu yang sifatnya bertepatan dengan sesuatu fakta dan juga tuntutan keadilan. Sudah tentu setiap masyarakat – tidak kiralah tempat dan fasa kehidupan masyarakat itu di dunia – perlu menjadikan *al-Haqq* sebagai paksi kehidupan. Apa guna kehidupan kalau kebenaran – dalam pelbagai dimensinya – hilang atau dicerobohi atau tidak diadili dengan sebaiknya?

Persoalannya, bagaimana kita melihat syariah dalam konteks menjadikan *al-Haqq* sebagai panduan kehidupan? Kalau *al-Haqq* hanya sekadar mesej yang abstrak dan hanya sekadar menjadi nilai etika, maka *al-Haqq* akan terpinggir dalam kehidupan bermasyarakat.

Sehubungan itu, pembacaan dan pemahaman kita tentang setiap ayat yang menyebut tentang *al-Haqq* perlu pada cara berfikir yang baharu, iaitu **bagaimana menjadikan makna dan mesej ini hidup dalam masyarakat?**

Ringkasnya, kita juga perlu memanusikan *al-Haqq*. Di sini, kita bukan mengada-adakan apa yang tiada dalam syariah. Tidak sekali-kali. Sebaliknya, apa yang perlu kita lakukan adalah meneliti dengan halus setiap cara sebutan *khitab* al-Quran dan memberikan kefahaman yang konsisten tentang tema kehidupan utama dalam syariah.

Misalnya dalam surah al-'Asr, Allah ﷻ menyebut,

﴿إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾﴾

Ertinya: "Bahawa setiap manusia akan berada dalam kerugian melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh dan juga berpesan-pesan sesama mereka perkara kebenaran (*al-Haqq*) dan kesabaran."

(Surah al-'Ashr 103: 2–3)

Dalam konteks ayat ini, Allah ﷻ menyebut perkataan *al-Haqq* dalam bentuk yang unik, iaitu "berpesan-pesan" atau "saling memesan". Perkataan ini mungkin difahami sebagai peringatan dalam kehidupan seseorang bagi mengingatkan mana-mana insan tentang kepentingan memastikan kebenaran dan berpegang teguh pada kebenaran.

Makna sebegini mungkin hanya relevan kepada seorang insan atau individu. Apakah pula kepentingan ayat ini dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan bernegara? Bukankah syariah diturunkan bagi menyusun sistem kehidupan masyarakat? Di sinilah pentingnya bagi kita sentiasa melihat syariah sebagai satu sistem kehidupan. Kalau tidak, nilai dan pemberat teks-teks wahyu akan berkurangan, jika tidak pun terpinggir dan terpupus dari muka bumi ini.

Dalam hal ini, melihat pada perkembangan sosiologi kemasyarakatan dewasa ini, iaitu dikenali sebagai satu masyarakat sivil atau madani, maka ayat dalam surah al-'Ashr dapat ditafsirkan sebagai ayat bagi mendukung amalan semak dan imbang dalam masyarakat.

Mungkin tafsiran sebegini lebih tepat kerana perkara kebenaran ialah istilah dan konsep besar yang melibatkan institusi masyarakat dan negara.

Kalau seseorang dengan peribadi tertentu melanggar konsep dan tuntutan "kebenaran", mungkin kesan dan impaknya tidak begitu besar berbanding kalau mana-mana organisasi atau institusi masyarakat dan negara melanggar batasan kebenaran. Manakan sama hujan rintik-rintik dengan hujan bertaufan.

Walaupun amalan **semak dan imbang** ialah cetusan fikiran masyarakat moden di Barat, tetapi bagi saya keperluan kepada amalan baik ini sudah pun dicernakan dalam syariah sejak 1,400 tahun dahulu melalui surah al-'Ashr dan beberapa teks wahyu yang lain, seperti menyuruh kepada makruf dan menegah yang mungkar.

Jadi, di mana silapnya? Kita gagal memahami syariah sebagai satu kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Kita lebih senang mendekati syariah sebagai hukum dan panduan bagi orang perseorangan atau sekadar bahan perbincangan untuk kehidupan di akhirat kelak.

Kalau kita tidak membangunkan kehidupan bermasyarakat dan bernegara di atas muka bumi ini tetapi hanya menumpukan tenaga serta sumber kehidupan kita pada kehidupan akhirat, maka siapa pula yang

Kita gagal memahami syariah sebagai satu kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

MEMBUMIKAN SYARIAH

MENJELAJAHI DIMENSI SYARIAH SECARA 360 DARJAH

- Syariah sangat sinonim dengan kehidupan. Namun, dalam orientasi pengajian dan amalan syariah, aspek-aspek syariah dalam kehidupan sudah lenyap entah ke mana.
- Sesungguhnya, syariah diwahyukan untuk benar-benar hidup dan berperanan dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat.
- Syariah perlu hidup subur dalam jiwa setiap manusia khasnya dan bercambah ke segenap lapisan masyarakat kerana syariah itu sendiri ialah gaya hidup.

Antara manfaat yang akan diperolehi oleh pembaca adalah:

- Membuka minda tentang definisi syariah yang tepat dan menyeluruh untuk diaplikasikan dalam segenap kehidupan mereka.
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman pembaca tentang aspek syariah yang sebelum ini dianggap berat dan sukar untuk difahami.
- Menarik minat lebih ramai pembaca untuk mengambil tahu tentang aspek syariah dan hubungannya dengan masyarakat.
- Dijadikan buah tangan untuk warga dalam sektor pendidikan dan perbankan khususnya.



MOHD DAUD BAKAR

Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tanggal 5 Mac 1964. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok Baru. Beliau mendapat ijazah pertamanya dalam bidang syariah di University of Kuwait pada 1988 dan seterusnya memperoleh PhD dari University of St. Andrews, United Kingdom pada 1993. Beliau terus menggali ilmu dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens di Universiti Malaya pada 2002.

Beliau dikenali sebagai salah seorang cendekiawan syariah elit dunia oleh para pengamal industri kewangan Islam kerana kemampuannya menawarkan penyelesaian yang praktikal dan boleh dilaksanakan. Tokoh Perdana Anugerah Maulidur Rasul (2014) ini telah menghasilkan beberapa karya yang amat dikenali antaranya *Saya Ada 25 Jam Sehari*, *Minda Syariah Kewangan Islam* dan terbaharu *Pulun*.



ISBN 978-967-388-382-0

TBBK 1451

Semenanjung Malaysia: RM 25.00

Sabah & Sarawak: RM 27.00

